



Noor
Mohamed
Shokil
Hameed

Menyedari hakikat kehidupan majoriti rakyat semakin terdesak dan terhimpit dengan situasi ekonomi yang tidak menentu serta peningkatan mendadak kos sara hidup Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menampilkannya dalam Bajet 2017 yang prihatin dan membela nasib dan kebaikan rakyat. Pelbagai buah tangan disajikan melalui bajet yang bertemakan 'Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejaterakan Kehidupan Rakyat' dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM260.8 billion meningkat 3.4 peratus berbanding Bajet 2016 yang diubah suai.

Seperti yang diharapkan oleh rakyat dan juga dijangka oleh khalayak bajet kali ini banyak memberi fokus kepada perkara yang menjadi keluh kesah dan dekat dengan hati dan kehidupan sehari-hari rakyat. Antaranya membabitkan isu kos sara hidup dan perumahan rakyat di samping pelbagai tambahan peruntukan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat secara keseluruhannya.

Usaha untuk meringankan kos sara hidup rakyat dilihat menjadi intipati utama dan penting yang mewarnai keseluruhan pembentangan bajet kali ini. Penulis percaya jika semua perancangan yang dibentangkan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan efektif pasti kumpulan sasaran yang merangkumi golongan berpendapatan rendah dan sederhana (B40 dan M40) akan menikmati pelbagai faedah dan sekali gus dapat mengurangkan beban kewangan mereka. Antara yang terus menarik perhatian kita ialah kenaikan kadar Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang bakal memberi manfaat kepada tujuh juta rakyat dengan peruntukan RM6.8 billion. Bagi isi rumah dalam senarai e-Kasih dan berpendapatan bulanan bawah RM3,000 dinaikkan daripada RM1,050 dan RM1,200. Isi rumah berpendapatan RM3,000

hingga RM4,000 kadar BR1M dinaikkan daripada RM800 kepada RM900, manakala individu bujang berpendapatan di bawah RM2,000 dinaikkan daripada RM400 kepada RM450.

Penulis percaya jika rakyat bijak menggunakan insentif kewangan berbentuk tunai ini pasti serba sedikit dapat meringankan kos sara hidup mereka. Dalam konteks ini rakyat perlu bijak mengurus sumber kewangan terhad yang ada. Walaupun secara lumrahnya jumlah pemberian BR1M ini mungkin masih dilihat sedikit atau tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan keperluan serta kenaikan kos sara hidup, namun realitinya mungkin kita boleh menyediakan bantuan kewangan seperti ini pada kadar yang terlalu tinggi untuk semua orang. Justeru kita perlu bijak menggabungkan insentif lain yang kerajaan sediakan agar akhirnya kita dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Antara bantuan berbentuk bukan insentif tunai kepada rakyat secara langsung, tetapi bakal memberi impak besar kepada penurunan kos sara hidup serta kenaikan harga barang adalah penyediaan peruntukan subsidi bersasar secara meluas untuk pelbagai perkhidmatan, kemudahan dan barang keperluan asas dan harian. Untuk bajet 2017 ini kerajaan memperuntukkan subsidi hampir RM10 billion merangkumi subsidi bahan api termasuk gas memasak, pampasan tol dan juga pengangkutan awam.

Kesengsaraan golongan nelayan dan juga pekebun kecil juga terus mendapat perhatian dalam bajet ini. Misalkan bantuan sebanyak RM200 sebulan disediakan untuk meringankan beban hidup mereka ketika musim tengkujuh yang membabitkan 440,000 pekebun kecil dan penoreh getah. Seramai 57,000 nelayan pula diberikan bantuan RM200 hingga RM300 sebulan bagi mengurangkan beban mereka.

Malah sebagai usaha spesifik untuk membantu meringankan beban golongan B40 kerajaan tampil dengan sejumlah peruntukan yang besar melalui pelbagai program yang dilihat boleh memberi manfaat dalam jangka masa pendek dan juga panjang. Ini termasuk



Bajet prihatin kumpulan sasar

diperuntukkan RM45 juta untuk memperluaskan Program MySuria di mana panel solar akan dipasang di lebih 1,600 rumah dan setiap peserta program akan menerima RM250 sebulan. Program Mobilepreneur oleh GiatMARA pula menerima suntikan dana RM30 juta yang menyasarkan bantuan kepada 3,000 peserta bermototsikal. Sebagai usaha berterusan untuk melahirkan lebih ramai usahawan tanu muda sebagai pencipta kerja dan mengurangkan kadar pengangguran, RM100 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program Agropreneur membabitkan 3,000 usahawan yang terlibat dalam pengeluaran hasil tanu bernilai tinggi.

Dalam pada itu kenaikan beberapa eluan kepada pemimpin masyarakat juga dilihat di samping meringankan beban kewangan mereka ia juga sekali gus mengiktiraf dan menghargai segala pengorbanan dan sumbangan mereka kepada pelbagai lapisan masyarakat. Antaranya, eluan ketua kampung, pengurus JKJK, ketua kampung baru dan Orang Asli dinaikkan daripada RM800 kepada RM900 sebulan. Manakala

elaun imam JAKIM naik kepada RM850 (RM750 sekarang), eluan guru KAFA naik kepada RM900 (RM800 sekarang) dan eluan pembantu KEMAS naik kepada RM500 (RM400 sekarang).

Isu pemilikan rumah mampu milik sememangnya menjadi topik perbualan hangat dewasa ini. Rintihan golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang hidup di bandar yang hanya mampu lihat pembinaan rumah mewah terus menarik perhatian semua pihak. Untuk itu sekali lagi dalam bajet kali ini isu perumahan mendapat perhatian khusus pihak kerajaan kerana rumah adalah keperluan asas setiap individu dan kita tidak boleh membiarkan rakyat terus merana dalam hal ini. Misalkan kerajaan bersetuju menaikkan kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam daripada minimum RM120,000 kepada RM200,000, manakala pinjaman paling tinggi sebelumnya RM600,000 dinaikkan kepada RM750,000. Perdana Menteri juga turut mengumumkan skim pembayaran akhir khas jenis step-up untuk program PRIMA yang membolehkan akses pembiayaan lebih

mudah kepada pembeli, dengan jumlah pinjaman mencecah 90 peratus hingga 100 peratus yang diyakini mampu menurunkan secara drastik kadar penolakan pinjaman.

Sebagai tambahan kerajaan juga mengemukakan beberapa lagi inisiatif perumahan bagi mengurangkan masalah pemilikan dan pembelian rumah, antaranya, kerajaan akan menyediakan tanah tidak diguna pakai di lokasi strategik untuk pembinaan lebih 30,000 unit rumah yang bakal dijual lebih murah dengan harga jualan antara RM150,000 hingga RM300,000 berbanding harga pasaran RM250,000 hingga RM400,000.

Sebanyak 10,000 unit rumah pula akan dibina di bandar untuk disewa sehingga tempoh lima tahun oleh golongan muda yang bekerja tetap, termasuk graduan baru bekerja sebelum mereka mampu membeli rumah sendiri. Ini dilihat satu strategi dan pendekatan yang cukup baik kerana kita sedia maklum golongan muda yang baru hendak mulakan kehidupan amat sukar untuk membeli rumah yang sememangnya mahal dan di luar

kemampuan mereka. Justeru program sewa dulu untuk tempoh lima tahun dilihat amat wajar dan cukup realistik.

Di samping itu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) juga diperuntukkan RM200 juta untuk membina 5,000 unit Rumah Mesra Rakyat dengan subsidi RM20,000 seunit di mana kita percaya golongan B40 terutamanya bakal meraih manfaat hasil daripada projek ini. Inisiatif pembinaan rumah mampu milik untuk kemudahan rakyat diperluaskan lagi dengan peruntukan RM200 juta bagi menjayakan satu projek baru dikenali 'My Beautiful New Home' bagi membina 5,000 unit rumah sekali lagi khusus untuk golongan B40 yang berpendapatan kurang RM3,900 sebulan. Diharap dengan adanya pelbagai inisiatif pembinaan rumah ini ia dapat mengurangkan segala rintihan yang sering kita dengar selama ini membabitkan kesukaran untuk memperoleh pinjaman dan juga membeli rumah mampu milik.

Penjawat awam yang menjadi tonggak pentadbiran kerajaan juga terus diberi pelbagai insentif tambahan agar dapat menempuhkan sepenuh perhatian dalam

menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Antaranya ialah bayaran khas RM500, cuti belajar bergaji penuh bersama biasiswa kepada kumpulan pelaksana, cuti kuarantin lima hari jika anak sakit dan perlu dikuarantin, pinjaman sehingga RM5,000 setiap tiga tahun untuk beli komputer dan telefon pintar dan pinjaman beli motosikal pula dinaikkan kepada RM10,000.

Secara umumnya intipati bajet kali ini dilihat benar-benar mengambil peduli dan merasai dunyadi rakyat bawahan yang selama ini dilihat cukup terdesak dan risau dengan peningkatan beban kewangan secara mendadak. Walaupun kita tidak dapat memuaskan hati semua pihak, penulis percaya bajet ini dapat banyak membantu mengurangkan beban golongan yang berpendapatan rendah dan juga sederhana.

Diharap semua kementerian dan agensi yang disalurkan peruntukan dan diamanahkan tanggungjawab akan segera bertindak dan melaksanakan segala inisiatif secara berkesan dan efektif supaya golongan sasaran dapat memperoleh manfaat yang seujarnya.